

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

SOALAN :

YB Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah menjadi amalan kerajaan untuk membekukan peruntukan parlimen apabila ahli parlimen digantung keahlian atas salah laku disiplin parti.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri disediakan untuk semua kawasan Parlimen di seluruh negara. Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan projek-projek kecil dan pelbagai program khusus untuk kemudahan dan manfaat penduduk di kawasan Parlimen yang berkenaan. Penyediaan dan penyaluran Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri ini adalah di atas budi bicara dan hak *prerogative* YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.